JUZU' KE-30

SURAH AL-BURUJ

SURAH KE

85

SURAH AL-BURUJ

Surah Gugusan Bintang

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

22

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَٱلْيَوْمِ ٱلْمَوْعُودِ ﴿٢﴾
وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قُتِلَ أَصْحَٰبُ ٱلْأُخْدُودِ ﴿٤﴾
ٱلنَّارِ ذَاتِ ٱلْوَقُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾
وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾
وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٨﴾
ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
شَهِيدٌ ﴿٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ
عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾
إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar(1). Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan(2). Dan demi saksi dan yang disaksikan(3). Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit(4). Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar(5). Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman(7). Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(8). Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku(9). Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar(11). Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."(12).

إِنَّهُۥ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلْوَدُودُ ﴿١٤﴾
ذُو ٱلْعَرْشِ ٱلْمَجِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾
هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾
بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطٌۢ ﴿٢٠﴾
بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan(13). Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang(14). Dialah yang mempunyai singgahsana yang amat agung(15). Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya(16). (Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17). Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud(18). Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka(20). Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini membentangkan hakikat-hakikat 'aqidah Islam dan asas-asas kefahaman keimanan. Ia mengemukakan persoalan-persoalan yang amat besar yang memancarkan di sekelilingnya sinaran cahaya yang kuat dan jauh sorotannya. Ia memancarkan di belakang konsep-konsep dan hakikat-hakikat secara langsung yang diungkapkan oleh nas-nas surah ini hingga hampir-hampir setiap ayat dan kadang-kadang setiap kalimatnya membuka pintu yang menampakkan sebuah alam hakikat yang luas dan sayup saujana.

Yang menjadi pokok pembicaraan secara langsung surah ini ialah peristiwa-peristiwa pembesar-pembesar yang menggali parit. Di zaman sebelum Islam ada sekumpulan orang-orang Mu'min, yang menurut satu

pendapat, mereka adalah dari penganut-penganut Kristian yang berpegang dengan 'aqidah tauhid. Mereka telah diseksa oleh musuh-musuh mereka yang kejam dan zalim. Mereka dipaksa meninggalkan 'aqidah tauhid dan agama yang dipegang mereka, tetapi mereka enggan dan tetap mempertahankan 'aqidah mereka. Lalu pembesar-pembesar yang zalim itu menggali sebuah parit yang besar dan menyalakan api di dalamnya. Kemudian mereka campakkan kumpulan orang-orang yang beriman itu ke dalam parit ini menyebabkan mereka mati terbakar. Pembunuhan ini dilakukan di hadapan khalayak ramai yang dikerah dan dikumpulkan oleh pembesar-pembesar yang berkuasa untuk menyaksikan kematian orang-orang Mu'min yang dibunuh dengan cara yang amat dahsyat dan kejam itu. Pembesar-pembesar itu begitu terhibur dengan pemandangan pembakaran itu, iaitu pembakaran manusia-manusia yang Mu'min:

وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٨﴾

"Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(8)

Surah ini dimulakan dengan sumpah:

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَٱلْيَوْمِ ٱلْمَوْعُودِ ﴿٢﴾

وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قُتِلَ أَصْحَٰبُ ٱلْأُخْدُودِ ﴿٤﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar(1). Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan(2). Dan demi saksi dan yang disaksikan(3). Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit."(4)

Surah ini menghubungkan di antara langit dan bintang-bintang yang besar, juga dengan Hari Qiamat dan kejadian-kejadiannya yang menggemparkan, juga dengan khalayak ramai yang menyaksi dan peristiwa-peristiwa yang disaksikan mereka. Ia menghubungkan di antara semuanya ini dengan peristiwa pembakaran orang-orang Mu'min dan kemurkaan Allah terhadap para pembesar yang zalim itu.

Kemudian surah ini selayang pandang menayangkan satu pemandangan yang ngeri yang membuat perasaan kita benar-benar merasakan kedahsyatan peristiwa itu tanpa memberi perincian atau penceritaan yang panjang, dan secara tidak langsung memperlihatkan kebesaran 'aqidah yang mengatasi penindasan manusia, mengatasi api dan mengatasi hayat itu sendiri, iaitu 'aqidah yang menjulang ke puncak kemuliaan yang memberi kebanggaan kepada seluruh generasi manusia, di samping memperlihatkan kekejian pembunuhan itu, iaitu pembunuhan yang penuh dengan kezaliman, keganasan dan kerendahan budi, dan seterusnya memperlihatkan keluhuran dan kesucian orang-orang Mu'min yang dibakar itu:

ٱلنَّارِ ذَاتِ ٱلْوَقُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾

وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾

"Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar(5). Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman."(7)

Selepas itu diiringi pula dengan ulasan-ulasan pendek mengenai persoalan-persoalan besar da'wah, 'aqidah dan kefahaman keimanan yang sejati.

Di sana terdapat isyarat kepada kerajaan Allah di langit dan di bumi dan kepada sifatnya yang sentiasa menyaksi dan melihat segala apa yang berlaku di langit dan di bumi:

ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٩﴾

"Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku."(9)

Di sana juga terdapat isyarat kepada 'azab Neraka Jahannam dan keseksaan api yang membakar yang menunggu pembesar-pembesar yang zalim, ganas dan rendah budi dan isyarat kepada keni'matan Syurga yang merupakan kejayaan yang amat besar yang menunggu, orang-orang Mu'min yang mengutamakan 'aqidah mereka dari hayat dan sanggup diseksa dan dibakar:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Di sana terdapat pula isyarat kepada 'azab Allah yang amat dahsyat yang telah menciptakan manusia dan membangkitkannya semula, selepas mati:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾ إِنَّهُۥ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat(12). Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan."(13)

Isyarat ini merupakan satu hakikat yang ada hubungan secara langsung dengan nyawa orang-orang Mu'min yang dibunuh di dalam peristiwa-peristiwa itu dan menyorotkan cahayanya yang jauh di sebalik peristiwa itu.

Selepas itu ayat yang berikut mengemukakan beberapa sifat Allah S.W.T., dan setiap sifat itu mengandungi maksud yang tertentu:

وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلْوَدُودُ ﴿١٤﴾

"Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(14)

Maksudnya, Allah Maha Pengampun kepada orang-orang yang bertaubat dari dosa- dosa dan kesalahan mereka biarpun bagaimana besar dan keji. Dan Allah itu Maha Penyayang kepada para hamba-Nya yang telah memilih-Nya dari segala sesuatu. Kasih sayang yang dikemukakan di sini merupakan ubat yang mujarrab untuk menyembuhkan kudis-kudis dari akibat peristiwa itu.

ذُو ٱلْعَرْشِ ٱلْمَجِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾

"Dialah yang mempunyai singgahsana yang amat agung(15). Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya." (16)

Sifat-sifat ini menggambarkan kekuasaan dan iradat Allah yang mutlak, dan semuanya mempunyai hubungan dengan peristiwa itu dan menyorotkan cahaya-cahaya yang jauh di sebalik peristiwa itu.

Kemudian diiringi pula dengan isyarat-isyarat sepintas lalu kepada tindakan-tindakan Allah yang telah diambilnya terhadap kuasa-kuasa yang zalim yang mempunyai senjata-senjata yang lengkap:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17). Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud."(18)

Kebinasaan kedua-dua kaum itu merupakan dua kebinasaan yang berlainan dari segi bentuk dan kesannya, dan menyorotkan di sebalik keduanya cahaya-cahaya yang jauh bersama peristiwa parit api itu.

Pada akhirnya, dijelaskan kedudukan orang-orang kafir dan kepungan Allah yang ketat terhadap mereka, sedangkan mereka tidak sedar:

"Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka."(20)

Akhir sekali ia menjelaskan hakikat Al-Qur'an dan keteguhan sumbernya:

"Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah Al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Ayat ini membayangkan bahawa segala apa yang dijelaskan oleh Al-Qur'an itu merupakan kata-kata pemutus dan kata-kata rujukan yang muktamad di dalam segala urusan dan persoalan.

Inilah pandangan-pandangan intipati dari sorotan-sorotan surah ini dan bidang-bidang persoalannya yang luas sebagai pendahuluan bagi sorotan-sorotan yang terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar." (1)

Sebelum menyentuh peristiwa parit api, surah ini memulakan dengan sumpah:

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar."(1)

Pengertian Al-Buruj

Kata-kata البروج boleh diertikan dengan jirim-jirim bintang yang besar seolah-olah bangunan istana-istana langit yang besar yang dibinakan Allah sebagaimana firman-Nya:

"Dan langit itu Kami binakannya dengan kekuatan-kekuatan dan sesungguhnya Kami mempunyai kekuasaan yang amat luas."

(Surah az-Zariat: 47)

Dan seperti firman-Nya:

"Adakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakan?"

(Surah an-Naazi'aat: 27)

Dan البروج juga boleh diertikan dengan tempat-tempat peredaran bintang yang dilaluinya dalam masa perkelilingannya. Ia merupakan lingkungan peredaran tetap yang dilingkari bintang-bintang tanpa melewatinya semasa beredar di langit. Isyarat kepada tempat-tempat peredaran itu menyarankan kebesaran dan keagungan, dan itulah yang dimaksudkan di dalam suasana itu.

"Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan."(2)

Hari Yang Ditunggu Seluruh Manusia

Maksudnya ialah Hari Qiamat yang menamatkan seluruh peristiwa dunia dan menyelesaikan seluruh kira-kira kehidupan dunia. Itulah hari yang dijanjikan

Allah, dan pada hari itu Ia berjanji akan menghisabkan amalan-amalan manusia dan memberi balasannya yang setimpal, dan seluruh orang-orang yang bersengketa dan berguam di dunia ditangguhkan untuk menghadapi pengadilan-Nya pada hari ini. Itulah hari yang agung yang ditunggu-tunggu oleh semua manusia untuk melihat bagaimana berakhirnya segala perkara.

وَشَاهِدٖ وَمَشۡهُودٖ ٣

"Dan demi saksi dan yang disaksikan."(3)

Hari Seluruh Manusia Sekaligus Menjadi Saksi Dan Orang-orang Disaksikan

Pada hari itu dibentangkan segala amalan dan dihadirkan seluruh makhluk. Dan seluruh mereka sekaligus menjadi orang-orang yang .disaksi dan orang-orang yang menjadi saksi. Seluruh mereka mengetahui segala-galanya, dan segala-galanya terbuka dan terdedah kepada segala hati dan mata tanpa dilindungi suatu apa pun.

Pemandangan langit yang mempunyai jirim-jirim bintang yang besar dan pemandangan Hari Qiamat dengan orang-orang yang disaksi dan orang-orang yang menjadi saksi..... semuanya bertemu dan berkumpul untuk melontarkan bayangan perhatian dan keperihatinan, bayangan perhimpunan manusia yang ramai dan bersesak-sesak ke atas suasana yang akan dibentangkan peristiwa parit api selepas itu. Ayat ini juga menyarankan betapa luasnya bidang di mana diletakkan peristiwa itu dan ditimbangkan hakikatnya serta diselesaikan Hisabnya. Bidang ini lebih luas dari ruang bumi dan lebih jauh dari usia hidup di dunia yang terbatas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Setelah digambarkan suasana peristiwa ini dan dibukakan bidangnya, barulah dijelaskan peristiwa itu dengan penjelasan yang ringkas.

Gambaran peristiwa itu dimulai dengan perisytiharan kemurkaan Allah terhadap penggali-penggali parit api itu:

"Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit."(4)

Kemurkaan Allah Terhadap Orang-orang Yang Menindas Orang-orang Yang Beriman

Ayat ini membayangkan kemurkaan Allah terhadap perbuatan yang kejam dan terhadap orang-orang yang bertanggungawab melakukan perbuatan itu, Ia menunjukkan betapa kejinya perbuatan itu hingga menimbulkan kemurkaan Allah Yang Maha Sabar yang mengancam mereka dengan kebinasaan dan pembunuhan balas.

Kemudian dijelaskan keadaan parit yang digali itu:

"Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar."(5)

Maksudnya, mereka menggali parit dan menyalakan api di dalamnya sehingga seluruh parit itu menjadi api. Ia membayangkan betapa dahsyatnya kemarakan api dan julangannya.

Binasalah penggali-penggali parit itu dan mereka memang wajar menerima kemurkaan dan kemarahan itu, kerana sikap mereka yang selamba ketika melakukan dosa dan jenayah itu:

"Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman."(7)

Ayat ini menggambarkan sikap mereka dan pemandangan ketika mereka menyalakan api dan men-campakkan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan ke dalam api itu, sedangkan mereka duduk di tempat itu menyaksi peristiwa penyeksaan yang kejam itu dari dekat, mereka melihat peringkat-peringkat perkembangan penyeksaan itu, dan melihat bagaimana api itu menjilat badan-badan mangsanya. Mereka menonton dengan penuh kelazatan dan kegila-gilaan, seolah-olah mereka mahu menerapkan pemandangan yang kejam ini di dalam hati mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Pemerintah Yang Zalim Menganggap Keimanan Sebagai Jenayah

Orang-orang Mu'min yang dibakar itu tidak melakukan apa-apa dosa:

"Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(8). Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku."(9)

Inilah satu-satunya kesalahan mereka, iaitu kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa yang berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Maksud dari sifat الحميد atau Maha Terpuji ialah Allah itu wajar menerima kepujian dan sanjungan dalam semua keadaan. Allah tetap terpuji dengan zat-Nya sendiri walaupun Ia tidak dipuji oleh orang-orang yang jahil. Dialah yang wajar dipercayai dan disembah, Dialah Tuhan Yang Tunggal yang

menguasai kerajaan langit dan bumi, Dialah yang menyaksikan segala sesuatu, dan Dialah yang menyaksikan apa yang telah berlaku kepada orang-orang Mu'min dan apa yang telah dilakukan oleh penggali-penggali parit itu. Penerangan ini mententeramkan hati orang-orang Mu'min dan mengancam pembesar-pembesar yang ganas dan bermaharajalela itu. Allah sentiasa menyaksi, dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi.

Tamatlah riwayat peristiwa parit api itu di dalam beberapa ayat yang pendek yang membuat kita penuh dengan perasaan benci dan jijik terhadap keganasan perbuatan itu, dan terhadap kekejaman orang-orang yang tergamak melakukannya, di samping merangsangkan hati kita merenung dan meneliti apa yang ada di sebalik peristiwa itu, dan memikirkan betapa beratnya peristiwa itu dalam pertimbangan Allah, dan betapa hebatnya kemarahan dan kemurkaan-Nya. Tetapi perkara ini tidak tamat setakat ini sahaja, malah di belakangnya terdapat ekoran yang lebih jauh dalam perkiraan Allah.

Biar Mati Berputih Tulang, Asalkan 'Aqidah Selamat

Demikianlah tamatnya kisah peristiwa pembunuhan kejam yang membuat hati kita dipenuhi perasaan kagum terhadap kehebatan iman yang mengalahkan penindasan dan penyeksaan terhadap kekuatan 'aqidah yang mengatasi nyawa dan terhadap kebebasan jiwa dari segala belenggu keinginan jasmani dan dari daya tarikan hidup di bumi. Orang-orang Mu'min yang terbunuh itu memang dapat menyelamatkan nyawa mereka apabila mereka memilih kekalahan dari keimanan, tetapi andainya mereka berbuat begitu, betapa besar kerugian diri mereka di dunia sebelum Akhirat! Betapa besar kerugian seluruh manusia! Betapa besarnya kerugian mereka kerana membunuh konsep yang agung itu iaitu konsep kekerdilan hidup tanpa 'aqidah dan konsep kejelikan hidup tanpa kebebasan dan konsep kerendahan dan kemunduran hidup apabila pemerintah-pemerintah yang zalim menguasai jiwa manusia setelah mereka menguasai tubuh badan mereka. Itulah konsep yang amat mulia dan luhur. Itulah keuntungan yang dicapai mereka semasa berada di bumi ini lagi. Itulah keuntungan yang dicapai mereka apabila api menjilat dan membakar tubuh badan mereka dan apabila konsep yang luhur yang, dibakar api itu telah mendapat kemenangan.

Setelah itu diterangkan pula Hisab dan Balasan yang disediakan Allah untuk mereka dan untuk musuh-musuh mereka yang kejam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Kehidupan Dunia Bukan Pengembaraan Terakhir

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Apa yang berlaku di bumi dan di dalam kehidupan dunia ini bukanlah peristiwa penamat dan bukanlah pengembaraan terakhir. Lanjutannya akan datang dan balasan yang adil yang memberi penyelesaian di antara orang-orang Mu'min dan orang-orang yang zalim akan tiba. Ini adalah suatu keputusan yang tetap akan berlaku seperti yang dijelaskan oleh Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat."(10)

Maksudnya, orang-orang yang menimpakan bala bencana ke atas orang-orang Mu'min sama ada lelaki atau perempuan dan meneruskan hidup mereka di dalam kesesatan dan penyelewengan tanpa menyesali dosa-dosa yang dilakukan mereka.

ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾

"Kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran."(10)

Kebakaran Di Dunia Dan Kebakaran Di Akhirat

Di sini Allah menentukan 'azab الحريق (pembakaran), walaupun pengertian ini dapat difaham dari 'azab Neraka Jahannam, namun disebutkannya juga supaya selaras dan, sesuai dengan pembakaran api di dalam parit dengan menggunakan lafaz yang sama yang menunjukkan kejadian pembakaran itu, tetapi tentulah amat jauh perbezaan di antara kepanasan dan kelamaan masa api dalam parit dengan api di dalam Neraka. Pembakaran di dunia berlaku dengan api yang dinyalakan oleh manusia, tetapi pembakaran di Akhirat berlaku dengan api yang dinyalakan Tuhan Pencipta. Pembakaran di dunia hanya berlangsung beberapa detik kemudian berakhir, tetapi pembakaran di Akhirat berlangsung berabad-abad yang hanya Tuhan sahaja yang mengetahuinya. Di

sebalik pembakaran di dunia ialah keredhaan Allah kepada orang-orang Mu'min dan kemenangan kepada konsep kemanusiaan yang mulia, sementara di sebalik pembakaran di Akhirat ialah kemurkaan Allah dan kejatuhan insan yang amat rendah dan keji.

Kemuncak Kejayaan Ialah Memenangi Syurga

Kemudian keredhaan Allah dan ni'mat-Nya yang melimpah-ruah ke atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih digambarkan dengan balasan Syurga:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Itulah keselamatan yang hakiki iaitu kejayaan yang amat besar, kerana keselamatan dari 'azab Akhirat merupakan kejayaan, dan kemuncak kejayaan ialah Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

Ayat penamat ini merupakan penamat yang hakiki bagi perjuangan itu. Itulah hakikat dari penjelasan yang pertama mengenai peristiwa parit api supaya hakikat ini tertanam di dalam hati sekumpulan kecil orang-orang yang beriman di negeri Makkah pada masa itu, juga tertanam di dalam hati setiap kelompok yang beriman yang menghadapi penindasan di sepanjang abad.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 – 18)

'Azab Dari Allah Lebih Besar Dari 'azab Manusia

Kemudian diiringi pula dengan penjelasan-penjelasan yang bertalu-talu:

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."(12)

Penjelasan hakikat 'azab Allah yang amat dahsyat di tempat ini adalah sesuai dengan peristiwa parit api yang memperlihatkan tindakan kekerasan yang kecil dan kerdil, tetapi disangkakan oleh pembesar-pembesar dan manusia di bumi sebagai satu tindakan yang amat dahsyat, sedangkan yang sebenarnya tindakan dan 'azab yang amat dahsyat itu tindakan dan 'azab dari Allah Yang Maha Berkuasa yang memiliki kerajaan langit dan bumi, bukannya tindakan dan 'azab dari manusia yang lemah yang hanya menguasai kawasan bumi yang terbatas dalam jangka waktu yang terbatas pula.

Ayat ini memperlihatkan hubungan yang mesra di antara Rasulullah s.a.w. dan Allah yang berfirman:

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu...."(12)

Yakni Tuhan yang disembah olehmu, Tuhan yang menjadi sandaranmu dan yang engkau percayakan kepada pertolongan-Nya. Hubungan dengan Tuhanmu ini amat bererti ketika orang-orang Mu'min diseksa dan dianiayai oleh orang-orang kafir.

"Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan."(13)

Ciptaan Pertama Dan Ciptaan Ulangan Berlaku Setiap Masa

Walaupun pengertian umum ciptaan pertama dan ciptaan ulangan itu ditujukan kepada ciptaan di alam dunia dan ciptaan di alam Akhirat, namun kedua-duanya merupakan peristiwa-peristiwa yang berlaku di setiap sa'at sama ada malam atau siang. Dalam setiap detik terdapat ciptaan baru, dan dalam setiap detik juga terdapat ciptaan ulangan atau ciptaan semula bagi sesuatu yang reput dan mati. Seluruh kejadian alam sentiasa membaharu dan sentiasa musnah. Dalam bayangan kegiatan ciptaan baru dan ciptaan semula yang terus menerus berlangsung itu, maka peristiwa parit api dan akibat-akibatnya yang lahir kelihatan sebagai satu persoalan sementara sahaja mengikut realiti persoalan itu dan mengikut hakikat perencanaan Allah. Ia merupakan permulaan bagi ulangan atau ulangan bagi permulaan dalam gerak alam yang sentiasa berputar.

"Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang." (14)

Sifat keampunan ini berkaitan dengan firman-Nya sebelum ini:

ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟

"Kemudian mereka tidak bertaubat."(10)

Darjat Kasih Mesra Dari Allah Kepada Hamba Sukar Diungkapkan Dengan Pena

Keampunan merupakan rahmat dan limpah kurnia yang tidak terbatas. Ia merupakan pintu yang terbuka, yang tidak tertutup kepada siapa yang ingin pulang ke pangkal jalan dan bertaubat, walaupun dosa dan maksiatnya amat besar. Sementara sifat kesayangan pula mempunyai hubungan dengan pendirian orang Mu'min yang mengutamakan Allah di atas segala-galanya. Kesayangan itu ialah kasih mesra yang lemah-lembut. Apabila Allah mengangkatkan para hamba yang cintakan-Nya ke suatu martabat yang menyukarkan mata pena untuk mendiskripsikannya jika tidak ia dikurniakan Allah, iaitu martabat persahabatan di antara Tuhan dan hamba. Itulah darjat kasih mesra dari Allah kepada hamba-hamba kesayangan-Nya yang Mukarrabin. Apakah ertinya nyawa yang dikorbankan oleh orang-orang Mu'min itu sedangkan nyawa itu sendiri lambat-laun akan hilang juga. Dan apakah ertinya 'azab keseksaan yang dialami mereka sedangkan 'azab itu hanya sebentar

sahaja? Apakah ertinya 'azab keseksaan di samping setitis kemesraan yang dikurniakan Allah dan sekilas pandang kasih sayang-Nya?

Ada abdi-abdi di bumi yang dimiliki manusia bersedia untuk mencampakkan diri mereka ke dalam kebinasaan kerana sepatah kata perangsang yang keluar dari mulut tuanmasnya, atau kerana satu pandangan tanda gembira terbayang pada wajahnya. Inilah kasih sayang di antara hamba dengan hamba, maka bagaimana pula dengan para hamba Allah yang mendapat kasih sayang dari Allah Yang Maha Pemurah, iaitu Allah:

"Yang mempunyai singgahsana yang amat agung"(15)

Untuk Mendapat Keredhaan Allah Persoalan Nyawa Menjadi Kecil

Yang Maha Tinggi, Maha Penguasa, Maha Mulia, dan Maha Pemurah? Tidakkah nyawa dan 'azab keseksaan menjadi perkara kecil? Tidakkah segala sesuatu yang mahal dan disayangi itu menjadi perkara kecil untuk mendapatkan keredhaan Allah Yang Maha Penyayang dan yang memiliki singgahsana yang agung itu?

"Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya."(16)

Kehendak Dan Tindakan Allah Yang Bebas

Inilah sifat Allah yang banyak menjadi kenyataan dan sentiasa bertindak. Dia mempunyai iradat yang bebas, Dia memilih apa yang disukai-Nya. Dia membuat apa yang dikehendaki-Nya. Dia selama-lamanya begitu dan itulah sifat-Nya. Sekali Dia mahukan orang-orang Mu'min mencapai kemenangan di bumi ini kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya, dan sekali pula Dia mahukan keimanan mengatasi malapetaka penindasan dan mahukan tubuh badan yang fana itu terkorban kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya. Dan sekali pula Dia mahu bertindak terus membinasakan manusia-manusia yang zalim di bumi, dan sekali pula Dia mahu menangguhkan balasan terhadap mereka sehingga tiba Hari Qiamat yang dijanjikan itu kerana suatu hikmat yang tertentu yang direalitikan di dunia di sini dan di Akhirat sana mengikut perencanaan-Nya yang tersusun rapi.

Ini adalah sebahagian dari tindakan-tindakan Allah yang bebas mengikut kehendak dan iradat-Nya yang sesuai dengan peristiwa parit api dan sesuai dengan cerita kebinasaan kaum Fir'aun dan Thamud pada ayat yang akan datang. Hakikat iradat dan qudrat Allah yang bebas di sebalik peristiwa-peristiwa, di sebalik kehidupan dan di sebalik alam itu akan terus bertindak di alam buana ini.

Dia melakukan apa yang disukai-Nya dan sebagai contohnya ialah tindakan-Nya terhadap kaum Fir'aun dan Thamud:

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17) Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud."(18)

Tindakan Allah Terhadap Kaum Fir'aun Dan Thamud

Ayat ini menunjukkan dua cerita yang panjang yang telah dimaklumi umum setelah sekian banyak disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim. Al-Qur'an menamakan mereka **"angkatan-angkatan tentera"** (الجنود) untuk menggambarkan kekuatan dan kelengkapan mereka. Adakah sampai kepadamu cerita mereka? Bagaimana Allah bertindak terhadap mereka mengikut apa yang dikehendaki-Nya?

Ini merupakan dua kisah yang berlainan dari segi bentuk dan akibatnya. Adapun kisah Fir'aun, maka Allah telah membinasakannya bersama bala tenteranya dan Allah menyelamatkan Bani Israel serta mengukuhkan kekuasaan mereka di bumi untuk satu jangka waktu bagi melaksanakan salah satu dari perencanaan dan iradat-Nya. Sementara kisah Thamud pula, Allah telah membinasakan seluruh mereka dan menyelamatkan Nabi Soleh a.s. bersama segolongan kecil orang-orang yang beriman, tetapi mereka tidak diberikan kekuasaan dan pemerintahan, malah semata-mata dikurniakan keselamatan dari kejahatan orang-orang kafir sahaja.

Itulah dua contoh kebebasan kehendak dan iradat Allah, dan dua bentuk da'wah kepada Allah dengan kemungkinan-kemungkinannya yang diduga, di samping kemungkinannya yang ketiga yang telah berlaku dalam peristiwa parit api. Dan semua cerita ini dibentangkan kepada sekumpulan kecil orang-orang Mu'min di Makkah dan kepada setiap generasi dari generasi-generasi orang-orang Mu'min.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 22)

Tabi'at Orang Kafir Tetap Mendustakan Agama Allah

Pada akhirnya datanglah dua penjelasan yang kuat dan tegas dan setiap penjelasan itu merupakan ketetapan dan kata pemutus atau hukuman yang akhir:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطٌۢ ﴿٢٠﴾
بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka(20). Sebenarnya (apa

yang didustakan mereka) ialah al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Memanglah hakikat dan keadaan orang-orang kafir itu sentiasa berada dalam kegiatan mendustakan agama yang benar pagi dan petang:

"Sedangkan Allah tetap mengepung di belakang mereka."(20)

Tiada Yang Lebih Mulia Dari Wahyu Allah

Sedangkan mereka tidak sedar bahawa mereka dilingkungi oleh kuasa dan ilmu Allah. Mereka adalah lebih lemah dari tikus-tikus yang dikepung banjir yang besar.

"Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah Al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Maksudnya, adakah lagi yang lebih mulia, lebih tinggi dan lebih luhur dari firman Allah Yang Maha Besar? Al-Qur'an itu tertulis dalam Lauh Mahfuz. Kita tidak tahu hakikat Lauh Mahfuz, kerana ia dari urusan alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Kita hanya dapat memahami dan bayangan ayat ini dan dan dari ilham yang ditinggalkan dalam hati kita bahawa Al-Qur'an tetap terpelihara kukuh. Keterangannya merupakan sumber rujukan muktamad dari segala perkara yang dibicarakannya. Segala kata-kata yang lain akan hilang, hanya kata-kata Al-Qur'an sahaja yang terkawal dan terpelihara.

Al-Qur'an telah pun memberi penjelasannya tentang peristiwa parit api dan hakikat yang wujud di sebaliknya, dan penjelasannya itu merupakan penjelasan yang muktamad.

* * * * * *